

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Laporan kematian mengenai AEFI tiada hubung kait dengan vaksin

Penyiasatan lengkap, penilaian terperinci sebelum buat keputusan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Penilaian Jawatankuasa Khas Farmakovigilans Vaksin COVID-19 (JFK) terhadap 460 laporan kematian diterima mengenai Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) serius, mendapati tiada kes berkenaan yang mempunyai hubung kait secara langsung dengan vaksin COVID-19.

Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan (KKM), Dr Roshayati Mohamad Sani, berkata ia adalah sebahagian daripada keseluruhan 610 laporan AEFI serius membabitkan kematian da-

lam kalangan penerima vaksin berkenaan.

Beliau berkata, 460 laporan itu sudah selesai melalui proses penyiasatan oleh JFK, termasuk 57 kematian dalam kalangan penerima dos penggalak.

"Sebanyak 150 laporan masih dalam proses penyiasatan sebelum dinilai oleh JFK.

"Semua laporan AEFI serius yang diterima ini memerlukan penyiasatan lengkap dan penilaian terperinci sebelum hubung kait kesan dilaporkan dengan vaksin diterima, dapat ditentukan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Roshayati berkata, 610 laporan itu adalah sebahagian daripada 1,831 laporan AEFI serius yang diterima NPRA, setakat 8 April lalu.

Katanya, kriteria AEFI serius adalah berdasarkan klasifikasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu merujuk kepada kesan yang menyebabkan sama ada kemasukan ke dalam wad, pemantauan tempoh di wad, membahayakan nyawa, menyebabkan kehilangan upaya, menyebabkan

610 laporan itu adalah sebahagian daripada 1,831 laporan AEFI serius yang diterima NPRA, setakat 8 April lalu

Dr Roshayati Mohamad Sani,
Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara
(NPRA), Kementerian Kesihatan (KKM)



kecacatan ketika lahir atau disyaki menyebabkan kematian.

Secara keseluruhan pula, beliau berkata, Sistem Pelaporan AEFI NPRA sudah menerima sebanyak 26,071 laporan AEFI berkaitan vaksin COVID-19, termasuk 1,552 membabitkan penerima dos penggalak dan 288 daripada penerima vaksin dalam kalangan kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun.

"Kadar pelaporan AEFI melalui Sistem AEFI NPRA ini secara keseluruhannya direkodkan pada nisbah 377 laporan bagi setiap sejuta dos.

"Hasil penilaian ke atas laporan

yang diterima, 93 peratus atau 24,240 daripada AEFI dilaporkan adalah bagi kes tidak serius.

"Ia termasuk demam, sakit pada tempat suntikan, sakit kepala, sakit otot dan keletihan, iaitu antara kesan advers paling kerap dilaporkan oleh penerima vaksin. Kesan-kesan ini biasanya akan pulih dalam masa satu hingga dua hari," katanya.

Dr Roshayati berkata, pihaknya turut memantau isu keselamatan berkaitan vaksin COVID-19 yang dikenal pasti pada peringkat global atau dikenali sebagai kesan advers susulan imunisasi yang dipantau secara de-

kat (AESI).

"Terdapat empat jenis AESI yang dipantau, termasuk radang otot jantung atau lapisan jantung (miokarditis/perikarditis), pembekuan darah vena dengan kiraan platelet rendah (venous thromboembolism with thrombocytopenia), kesan alahan berisiko mengancam nyawa (anaphylaxis) dan kelemahan otot muka (acute facial paralysis/Bell's Palsy).

"Ini antara kesan dilaporkan berlaku pada peringkat global selepas menerima vaksin COVID-19. Hasil pemantauan NPRA, kesan ini didapati jarang berlaku, konsisten dengan yang dilaporkan pada peringkat global.

"Kadar pelaporan tempatan bagi AESI hingga 8 April lalu membabitkan anaphylaxis ialah 0.9 hingga 4.6 bagi setiap sejuta dos, acute facial paralysis (2.0 hingga 3.2 bagi setiap sejuta dos), miokarditis/perikarditis 3 (Comirnaty: 1.3 bagi setiap sejuta dos) dan venous thromboembolism with thrombocytopenia (AstraZeneca: 0.7 bagi setiap sejuta dos)," katanya.

Pendaftaran MySejahtera turun kepada 18 juta

Dari Muka 1

Ia disusuli Terengganu yang mencatat penurunan 47 peratus, serta Putrajaya (40.8 peratus), Pahang (39.3 peratus), Sabah (36.9 peratus) dan Kedah (36.7 peratus).

Labuan turut mencatat kadar penurunan yang tinggi dengan 34.7 peratus, disusuli Negeri Sembilan (34.6 peratus), Perlis (34.3 peratus), Perak (33 peratus) dan Melaka (30.9 peratus).

Lima lagi negeri dan wilayah mencatat penurunan di bawah 30 peratus, iaitu Selangor (29.6 peratus), Kuala Lumpur (29 peratus), Sarawak (27.4 peratus), Johor (26.6 peratus) dan Pulau Pinang (25.9 peratus).

Sejak 25 Mac lalu, jumlah daftar masuk MySejahtera di seluruh negara mencatat angka paling rendah pada 7 April lalu dengan 16,020,112, iaitu terendah dalam tempoh lebih 37 minggu sejak 25 Julai tahun lalu.

Pendaftaran menerusi MySejahtera dilihat menurun kepada sekitar 15 juta hingga 18 juta sejak beberapa hari lalu, berbanding 29 juta hingga 33 juta

hujung tahun lalu.

PAC sebelum ini mendedahkan aplikasi MySejahtera, yang awalnya bertujuan memudahkan proses pengesanan kontak rapat COVID-19, dibangunkan tanpa kontrak antara kerajaan dengan syarikat yang membangunkan aplikasi itu.

Jawatankuasa itu turut mempersoalkan pengambilalihan aplikasi MySejahtera oleh MySJ Sdn Bhd daripada KPISoft, yang kini dikenali sebagai Entomo Malaysia.

Dilaporkan, Kabinet memberi 'lampu hijau' kepada Kementerian Kesihatan pada November tahun lalu, bagi melantik MySJ untuk mengambil alih aplikasi itu menerusi rundingan terus.

Pengerusi PAC, Wong Kah Woh dilaporkan berkata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz akan dipanggil berhubung isu pembangunan dan perolehan MySejahtera, pertengahan bulan ini.

Ketua Pembangkang, Anwar Ibrahim pula dilaporkan meminta Parlimen memulakan siasatan komprehensif bagi menge-



Sejak 25 Mac lalu, jumlah daftar masuk MySejahtera di seluruh negara mencatat angka paling rendah pada 7 April lalu dengan 16,020,112. (Foto hiasan)

nal pasti segala perihai aplikasi MySejahtera, terutama berhubung kerahsiaan data peribadi.

Katanya, siasatan perlu kerana persoalan mengenai pemilihan aplikasi itu dan datanya masih kabur; termasuk membenarkan entiti asing untuk memba-

Mengulas mengenai penurunan itu, pakar epidemiologi Universiti Malaya (UM), Prof Dr Norran Naqiah Mohd Hafi, berkata isu kepercayaan terhadap keselamatan data pengguna mungkin antara faktor yang menyumbang kepadanya.

Beliau percaya sebahagian rakyat gusar dengan risiko data peribadi mereka dalam aplikasi itu disalah guna, susulan pembangunan PAC berkenaan isu itu, bulan lalu.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan, khususnya KKM perlu mendapatkan kembali kepercayaan rakyat dengan meyakinkan mereka terhadap integriti keselamatan MySejahtera jika kerajaan masih mahu rakyat terus menggunakan aplikasi itu.

"Kebanyakan rakyat tak tahu sama ada dakwaan keselamatan data itu benar atau tidak, tapi mereka risau kerana banyak data berharga dalam MySejahtera seperti nombor telefon dan nombor kad pengenalan.

"Faktor lain adalah ramai yang mula ambil mudah selepas fasa peralihan ke endemik diumumkan sejak 1 April lalu," katanya kepada BH.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Putrajaya ramai pengguna katil ICU

Penggunaan katil ICU rawat pesakit Covid-19 cecah 100 peratus

Oleh Raja Noraina Raja Rahimi
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Putrajaya merekodkan penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) dan bukan ICU bagi merawat pesakit Covid-19 melebihi 50 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia mencatatkan penggunaan katil ICU paling tinggi iaitu 100 peratus, manakala penggunaan katil bukan ICU pula sudah mencecah 63 peratus.

"Selain Putrajaya, Selangor pula merekodkan penggunaan katil ICU untuk merawat pesakit Covid-19 melebihi 50 peratus iaitu

sebanyak 51 peratus," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, tiada negeri yang menunjukkan peratusan penggunaan katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) melebihi 50 peratus.

Selain itu, Dr Noor Hisham me-



kan, kadar penggunaan alat bantuan pernafasan (ventilator) menurun kepada 97 pesakit dengan peratusan penggunaan alat bantuan itu adalah 11 peratus daripada keseluru-

han ventilator untuk merawat pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19.

Menurutnya, terdapat juga kes Covid-19 berisiko tinggi daripada kategori satu dan dua yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

Beliau berkata, sebanyak 394 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital dengan 232 kes membabitkan kategori satu dan dua, manakala 162 kes lagi kategori tiga hingga lima,

117 kluster masih aktif

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan sebanyak 9,002 kes baharu Covid-19 pada kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan kes wabak itu di negara ini kepada 4,342,559 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes harian itu sebanyak 8,950 kes penularan tempatan, manakala 52 lagi membabitkan kes import.

"Selain itu, terdapat 151 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) apabila 69 kes disahkan Covid-19, manakala 82 kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan.

"Kes yang memerlukan bantuan pernafasan pula mencatatkan sebanyak 97 kes iaitu 44 kes disahkan Covid-19 dan 53 kes disyaki, kemungkinan serta dalam siasatan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kebanyakan kes yang dilaporkan kelmarin memba-

bitkan pesakit kategori satu iaitu 4,759 kes, manakala 4,176 kes bagi kategori dua, kategori tiga (26 kes), kategori empat (20 kes) dan kategori lima (21 kes).

"Berdasarkan pecahan kes kategori tiga hingga lima itu, sembilan kes tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksinasi, 22 kes menerima dua dos vaksin dan 36 kes sudah menerima dos penggalak.

"Pesakit kategori berkekaan juga individu berusia 60 tahun ke atas dengan 40 kes dan mempunyai komorbid pula 41 kes," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, KKM merekodkan 16,986 kes pulih Covid-19 pada kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih meningkat kepada 4,180,763 kes iaitu 96.3 peratus daripada keseluruhan kes.

Katanya, tiga kluster baharu juga dikesan kelmarin dan jumlah keseluruhan kluster meningkat kepada 6,955 dengan 117 kluster aktif ketika ini.

30 kematian direkod anggara Covid-19

Kuala Lumpur: Seramai 195,865 kanak-kanak berumur antara lima hingga 11 tahun atau 5.5 peratus daripada populasi itu di negara ini sudah melengkapkan vaksinasi mereka di bawah Program Imunisasi Kanak-Kanak Covid-19 Kebangsaan (PICKids), setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web COVIDNOW, seramai 1,371,120 kanak-kanak dalam kumpulan sama atau 38.6 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur antara 12 hingga 17 tahun, seramai 2,863,771 individu atau 92 peratus sudah lengkap divaksin, manakala 2,965,625 atau 95.3 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi dewasa pula, seramai 15,942,215 individu atau 67.8 peratus sudah menerima dos peng-

galak, manakala 22,958,810 atau 97.6 peratus sudah melengkapkan kedua-dua dos vaksin dan 23,235,580 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 45,550 dos vaksin Covid-19 diberikan kelmarin, membabitkan 32,773 dos kedua, 8,283 suntikan dos penggalak dan 4,494 dos pertama, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sebanyak 69,320,354.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 30 kematian akibat Covid-19 dilaporkan di Malaysia kelmarin dengan Johor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu lima kes, diikuti Pulau Pinang dan Sarawak dengan masing-masing empat kes. - Bernama



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Kapasiti penggunaan katil ICU Putrajaya cecah 100 peratus

PUTRAJAYA – Putrajaya mencatatkan peratusan pengisian katil kes kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU) tertinggi dengan 100 peratus, diikuti oleh Selangor sebanyak 51 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, selain itu, Putrajaya juga merekodkan peratusan pengisian tertinggi bagi katil bukannya ICU dengan 63 peratus kelmarin.

"Dalam masa sama, tiada negeri yang menunjukkan peratusan pengisian melebihi 50 per-

tus bagi katil Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

"Pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) menurun kepada 97 pesakit dengan peratusan penggunaan ventilator 11 peratus," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, sebanyak 394 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital melibatkan 162 kes (41.1 peratus) adalah kategori tiga, empat dan lima serta 232 kes (58.9 peratus) adalah kategori satu dan dua.

Dalam pada itu, sebanyak 16,986 kes sembuh dilaporkan kelmarin, sekali gus melepasi jangkitan baharu Covid-19 dengan jumlah kumulatif kes sembuh di Malaysia sebanyak 4,180,763 kes.

Dr. Noor Hisham berkata, daripada 9,002 kes jangkitan Covid-19 yang dilaporkan kelmarin, sebanyak 67 kes kategori tiga, empat dan lima.

Mengulas lanjut, sebanyak 151 kes memerlukan rawatan di ICU, manakala 97 kes memerlukan bantuan pernafasan.



PENGUNAAN katil ICU di Putrajaya cecah 100 peratus. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEGARA



KAKITANGAN KKM menjalankan pemeriksaan ke atas pengendali makanan di sebuah bazar Ramadan di Kulim baru-baru ini.

209 peniaga tiada suntikan anti-tifoid

ALOR SETAR – Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan seramai 209 pengendali makanan di bazar Ramadan di negeri ini tidak mempunyai suntikan antitifoid dan 269 orang lagi tidak menghadiri latihan pengendalian makanan.

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Othman Warijo berkata, jumlah itu diperoleh hasil pemeriksaan ke atas 1,325 premis bazar Ramadan dan 2,132 pengendali makanan.

“Bagi kesalahan-kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, sejumlah 19 notis 32B di bawah Peraturan berkenaan telah dikeluarkan oleh pihak KKM,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, pihaknya me-

mandang serius isu keracunan makanan yang berlaku di premis-premis makanan.

“Walau bagaimanapun, tiada sebarang kes keracunan makanan yang dilaporkan berpunca dari premis bazar Ramadan di negeri ini,” ujarnya.

Menurut Dr. Othman, KKM turut menjalankan pensampelan makanan di bazar-bazar Ramadan untuk memastikan makanan dan minuman yang dijual bersih dan selamat.

“Sebanyak 38 sampel makanan telah diambil dan kita masih menunggu keputusan daripada makmal,” jelasnya.

Katanya, pada tahun lalu, sebanyak 42 sampel makanan telah diambil dan satu daripadanya telah dikesan kehadiran bakteria Coliform.

Demam, gatal pada kulit paling kerap dilapor bagi AEFI

PUTRAJAYA – Hanya 18 kes serius direkodkan susulan 288 laporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) melibatkan golongan kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun sehingga Jumaat lalu.

Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Dr. Roshayati Mohamad Sani berkata, bakinya iaitu 270 laporan AEFI bersamaan 94 peratus bagi golongan tersebut adalah kesan tidak serius.

Katanya, antara kesan yang paling kerap dilaporkan termasuk demam dan stres terhadap suntikan atau proses vaksinasi, reaksi kegatalan pada kulit, pening dan sakit kepala.

“Bagi 17 daripada 18 laporan AEFI serius, melibatkan kemaskukan ke wad untuk rawatan dan pemantauan lanjut dengan lima kes telah pulih sepenuhnya manakala 12 kes di dalam proses pemulihan.

“Satu kes pula merupakan laporan kes kematian yang dibawa ke hospital (BID) dan



HANYA 18 kes serius dilaporkan membabitkan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) melibatkan golongan kanak-kanak di negara ini.

masih dalam siasatan lanjut yang mana laporan awal memaklumkan bahawa kanak-kanak ini mempunyai sejarah penyakit

sedia ada,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Roshayati berkata, sebanyak 1,436,625 dos vaksin telah diberi-

kan kepada golongan itu melibatkan vaksin Comirnaty 10mcg Concentrate for Dispersion for Injection (Pfizer-BioNTech) dan

vaksin CoronaVac Suspension for Injection COVID-19 Vaccine (Vero Cell), Inactivated, sehingga 8 April lalu.

Katanya, sebanyak 264 laporan AEFI bersamaan kadar 201 laporan bagi setiap sejuta dos, manakala kadar pelaporannya lebih rendah berbanding kadar keseluruhan pelaporan AEFI setakat ini iaitu 377 laporan bagi setiap sejuta dos.

“Secara keseluruhannya, trend pelaporan AEFI tidak jauh berbeza dengan negara-negara rujukan regulatori, malah tiada isu keselamatan yang dikesan di peringkat tempatan dan global.

“Kadar pelaporan AEFI di kalangan penerima vaksin golongan kanak-kanak di Malaysia iaitu 0.2 laporan bagi setiap 1,000 dos,” katanya.

Katanya, ia adalah setara dengan kadar pelaporan AEFI yang diterima bagi golongan sama di negara-negara lain, contohnya di Kanada (0.2 laporan bagi setiap 1,000 dos) dan di Australia (0.6 laporan bagi setiap 1,000 dos).

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Demi sembuhkan pesakit Covid-19



MUHAMMAD AFIQ

Rakyat mengharap ubat antiviral, Paxlovid dapat sembuhkan pesakit andai dijangkiti sekali lagi

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM



MOHAMAD SYAIFUDIN

Bekas pesakit Covid-19 yang pernah mengalami gejala semasa atau selepas dijangkiti (*long Covid*) mengharap ubat antiviral, Paxlovid dapat menyembuhkan sekiranya mereka dijangkiti sekali lagi.

Pegawai Eksekutif Perkeso, Muhammad Afiq Roslan berkata, ubat berbentuk pil tersebut merupakan satu inisiatif yang baik dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kes harian di Malaysia.

"Ia adalah satu inisiatif yang baik oleh pihak kerajaan bagi membantu merawat pesakit, selain daripada vaksin sedia ada dan secara tidak langsung dapat memberi harapan kepada kami yang pernah dijangkiti Covid-19 untuk sembuh," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Pada Isnin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan, syarikat farmaseutikal tempatan, Pharmaniaga Logistic Sdn Bhd (Pharmaniaga) menerima 48,000 stok pil untuk rawatan Covid-19 keluaran Pfizer, Paxlovid.

Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pil Paxlovid disyorkan untuk rawatan pesakit Covid-19 dewasa berumur 18 tahun dan ke atas yang tidak memerlukan terapi oksigen dan berisiko tinggi mendapat gejala yang teruk.

Dr Noor Hisham pada 3 Mac

jalu juga mengumumkan mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke-37 telah meluluskan penggunaan pil tersebut secara pendaftaran bersyarat untuk kegunaan semasa bencana. Sementara itu, seorang pelajar, Mohamad Syaifudin Yahaya meluahkan rasa syukur apabila kerajaan menyediakan usaha lain bagi mengurangkan dan merencanakan jangkitan Covid-19.

"Keadaan *long Covid* ini menyebabkan saya mudah rasa letih ketika melakukan sesuatu kerja jika dibandingkan dengan keadaan sebelum (dijangkiti).

"Dengan ada ubat ini (Paxlovid), bersyukurlah ada ikhtiar tetapi bagaimanapun, pihak kesihatan perlu kenal pasti jika wujud kesan sampingan atau kandungannya boleh menyebabkan berlaku masalah lain kepada mereka terutamanya yang berisiko tinggi," ujarnya.

Rakyat boleh terima

Pekerja swasta, Damirah Yaafat pula berkata, ia tidak menjadi masalah kepada rakyat untuk menerima ubat itu seperti vaksin sekiranya ia dapat menyembuhkan pesakit Covid-19.

"Macam saya pernah dua kali dijangkiti Covid-19.

"Seandainya ubat itu terbukti berkesan seperti yang dinyatakan, maka tidak menjadi masalah untuk disyorkan kepada rakyat Malaysia.

"Seperti mana rakyat boleh terima vaksin sebagai satu inisiatif untuk menamatkan penularan wabak Covid-19, macam itu juga masyarakat boleh terima ubat ini sebagai salah satu langkah untuk meringankan gejala tersebut.

"Jadi tiada sebab untuk rakyat tolak ubat berkenaan andai ia benar-benar berkesan dan membantu kita semua," jelasnya.

Penjawat awam, Muhammad Nazrul Hakim Md Nazir ber-

AKSES PERUBATAN UNTUK PESAKIT 'LONG COVID'

KKM pastikan akses perubatan mencukupi bagi bekas pesakit COVID-19 yang mengalami komplikasi 'Long COVID'

Setakat Nov 2021, 16,890 bekas pesakit COVID-19 hadir ke fasiliti kesihatan untuk pemantauan & rawatan gejala 'Long COVID'

GEJALA 'LONG COVID'	LANGKAH DIAMBIL KKM
Dikesan hadir pemantauan ke atas pesakit Kelelahan: 78.9%	Kenal pasti pesakit yang alami 'Long COVID' sejurus keluar dari hospital
Sesak nafas ketika melakukan aktiviti tertentu: 62.9%	Beri janji temu berdasarkan diagnosis terakhir pesakit untuk hadir ke: <ul style="list-style-type: none"> Fasiliti kesihatan Klinik pakar bersesuaian
Batuk: 18.1%	Wujudkan program rehabilitasi yang menawarkan rawatan susulan di: <ul style="list-style-type: none"> 32 fasiliti kesihatan KKM 3 hospital universiti 4 hospital swasta 1 pusat rehabilitasi KSA
Kesukaran tidur: 14.5%	Rasional secara jumpa terus di fasiliti kesihatan awam / swasta bagi bekas pesakit COVID-19 yang alami sebarang gejala
Kerisauan: 10.4%	

Apa itu 'Long COVID'?

- Satu keadaan apabila bekas pesakit COVID-19 masih mengalami simptom / gejala dalam tempoh 12 minggu / lebih
- Gejala itu tidak dapat dijelaskan menerusi sebarang diagnosis alternatif

KKM - Kementerian Kesihatan Malaysia
 Sumber: Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali di persidangan Dewan Rakyat
 KSM - Kementerian Sains, Manuzia & Inovasi
 Diterbitkan 8 Dis 2021
 Infografik Bernama

pendapat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu mempergiatkan penerangan maklumat berkenaan ubat tersebut.

"Sebagai bekas pesakit Covid-19, saya berasa amat bersyukur dengan perkembangan terbaru itu.

"Sekurang-kurangnya ia dapat memberikan rawatan bagi pesakit yang mempunyai kesan yang teruk.

"Walaupun bagaimanapun, ubat ini perlu dilihat dari segi kesan sampingannya sama ada menjadi lebih teruk kepada pesakit atau sebaliknya.

"Penerangan juga harus dilakukan oleh KKM bagi memastikan masyarakat faham keberkesanan dan kesan ubat ini, bagi

mengelakkan fitnah dan persepsi buruk masyarakat kepada inovasi terbaru ini," katanya.

Seorang lagi penjawat awam, Norhafzan Ramli berkata, selain vaksin, kewujudan pil Paxlovid merupakan salah satu inisiatif yang sangat baik dalam usaha memberikan rawatan kepada pesakit Covid-19.

"Sebelum ini, tiada ubat untuk pesakit Covid-19. Mereka hanya berharap Panadol, petua-petua orang kampung dan tips kesihatan.

"Ikhtiar baharu oleh kerajaan kali ini sedikit sebanyak mengurangkan kerisauan kepada pesakit Covid-19 dan harapan untuk kembali sembuh adalah tinggi serta cepat sihat," ujar Norhafzan lagi.

9,002 kes baharu dicatatkan - Dr Noor Hisham

SHAH ALAM - Selepas merekodkan trend menurun selama tiga hari berturut-turut sejak Sabtu lalu, kes baharu Covid-19 kembali meningkat apabila merekodkan 9,002 kes pada Selasa berbanding hanya 7,739 pada Isnin.

Kes baharu bagaimanapun terus kekal empat digit untuk hari ketiga berturut-turut sejak Ahad lalu.

Pertambahan kes baharu pada Selasa menjadikan jumlah menjadikan

jumlah kumulatif kes Covid-19 di negara ini sebanyak 4,342,559.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes baharu pada Selasa melibatkan 8,950 kes tempatan dan 52 kes import.

"Bagi pecahan daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,759 kes atau 52.87 peratus daripada pesakit Covid-19 kategori satu, sementara 4,176 kes atau 46.39 peratus pesakit kategori dua.

"Bagi kategori tiga terdapat 26 (0.29

peratus), kategori empat dengan 20 kes (0.22 peratus) dan bagi kategori lima adalah 21 kes (0.23 peratus)," katanya.

Beliau berkata, kes sembuh merekodkan 16,986 kes yang menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 4,180,763 dengan 96.3 peratus.

Dr Noor Hisham menjelaskan, berdasarkan jumlah keseluruhan 67 kes bagi pesakit kategori tiga hingga lima, sembilan kes dilaporkan tidak divaksinasi atau belum lengkap pelantikan berkenaan.

"Sementara 22 kes pula, sudah menerima dua dos vaksin tetapi tidak menerima dos penggalak, manakala 36 kes telah menerima dos penggalak.

"Selain itu, 40 kes melibatkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas, manakala 41 kes lagi mempunyai komorbid dan tiada kes melibatkan ibu mengandung," jelasnya.

Bagaimanapun, akuiinya, tiga kluster baharu direkodkan menjadikan jumlah keseluruhan kluster aktif sebanyak 117.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS



A boy receiving the Covid-19 vaccine at the Seberang Jaya Expo Site Vaccination Centre in Seberang Jaya, Penang, on Tuesday. PIC BY DANIAL SAAD

DAILY UPDATE

18pc of Covid-19 ICU beds used

KUALA LUMPUR: Almost 18 per cent of intensive care unit (ICU) beds in the country are being used to treat Covid-19 patients.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 151 out of 861 ICU beds allocated for Covid-19 patients nationwide were occupied.

Only Selangor and Putrajaya had an ICU bed occupancy rate of more than 50 per cent.

All three ICU beds in Putrajaya were occupied, while 51 per cent of ICU beds in Selangor were used.

Putrajaya also had the highest occupancy of non-critical hospital beds at 63 per cent.

"On April 12, a total of 394 Covid-19 patients were admitted to hospitals, with 162 patients, or

41.1 per cent, in categories 3, 4 and 5, and 232 patients, or 58.9 per cent, in categories 1 and 2," Dr Noor Hisham said yesterday.

Meanwhile, the country reported 9,002 new cases up to Tuesday, including 52 imported cases from 50 Malaysians and two foreigners.

Among the new infections, 151 cases (69 confirmed Covid-19 cases, and 82 suspected, probable and under investigation cases) were being treated in ICUs, with 97 requiring breathing aid.

A majority of the new cases were in Category 1 and 2 at 4,759 and 4,176 cases respectively.

"Only 26 cases were reported to be in category 3, 20 in Category 4, and 21 in Category 5.

"Of the 67 cases in Category 3, 4

and 5, nine (13.43 per cent) involve those who have not been vaccinated or have not completed their vaccinations, 22 involved those who have received both doses but have not received their booster dose, and 36 involved those who have received their booster dose.

"A total of 40 patients were aged 60 and above, and 41 had comorbidities," he added.

Data on the Health Ministry's CovidNow portal also reported 30 new deaths up to Tuesday, including six brought-in-dead cases.

The ministry also reported 16,986 recoveries, bringing the cumulative number of recovered patients to 4,180,763, or 96.3 per cent.

PAXLOVID

Sabah to get Covid antiviral pills in two weeks

KOTA KINABALU: The Sabah Health Department will get the Covid-19 oral drug within two weeks, said its director, Datuk Dr Rose Nani Mudin.

"Most probably, we will be getting the (antiviral) pills within two weeks and they will be used in accordance with guidelines.

"The National Regulatory Pharmacy Agency has evaluated the side effects, which will be monitored closely.

"This medication will be given to patients in Category 1 and 2, but we are still waiting for the guidelines," she said yesterday.

On Monday, it was reported that the Health Ministry had received 48,000 pills of Pfizer's antiviral drug for the treatment of Covid-19, Paxlovid.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah was quoted as saying that the procurement of the oral drug, which was recommended for the treatment of Covid-19 patients aged 18 and above who did not require oxygen therapy, but were at high risk of manifesting severe symptoms, had arrived at Pharmaniga Logistic Sdn Bhd.

Dr Noor Hisham, on Twitter, said the antiviral drug was not intended to be used as a substitute for Covid-19 vaccination or public health measures to prevent Covid-19 infections.

"Paxlovid is another weapon against Covid-19, which is an antiviral drug for the treatment of Covid-19. It is given immediately



Datuk Dr Rose Nani Mudin

after a patient tests positive for Covid-19 and within five days of symptoms onset, for optimal effectiveness," he said.

On March 5, Health Minister Khairy Jamaluddin said some 11,000 high-risk patients would receive the first batch of the antiviral drug.

On the vaccination among children in Sabah, Dr Rose said the low rate was due to caregivers' reluctance.

"Up to yesterday (Tuesday), the vaccination rate for those aged 5 to 11 is at 24.4 per cent. It is still low.

"But, we will still continue giving the vaccine through schools, outreach programmes and also at 190 vaccination centres," she said, adding that parents and caregivers should consider the vaccines for their children, which could lower the severity of symptoms and complications should the young ones get Covid-19.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

No more first doses under PICKids after May 15

KUALA LUMPUR: The first dose of the Covid-19 vaccine under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) will not be offered after May 15, says Deputy Health Minister I Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

He said the deadline was set by the Covid-19 Immunisation Task Force for Children (CITF-C) due to the low take-up of the vaccine, which could lead to high vaccine wastage.

"In order to avoid wastage of children's Covid-19 Comirnaty vaccine that is not used within six months after being released by the manufacturer (Pfizer/BioNTech), a deadline must be set.

"Therefore, from May 16 this year, the ministry will no longer offer the first dose of the Comirnaty and CoronaVac (by Sinovac Biotech) Covid-19 vaccines to children aged five to 12," he said in a statement yesterday, Bernama reported.

Dr Noor Azmi added that after the deadline, the Comirnaty Covid-19 vaccine for children will no longer be offered at any public and private health facilities in Malaysia while the CoronaVac vaccine can only be obtained for a fee at private facilities.

However, he said the deadline will not involve vaccination for children born in 2017 who have not reached the age of five on May 15, adding that vaccination details for this group will be announced soon.

Dr Noor Azmi said healthcare workers will get in touch with parents who have registered their children to get their jabs via MySejahtera, via phone calls, social media or home visits.

"Parents who have agreed (to have their children vaccinated) will be given an appointment before the deadline. Parents who have yet to register their children to get vaccinated via MySejahtera can do so by May 8," he added.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

No deaths linked to vaccine: Report

PUTRAJAYA: The assessment of the Covid-19 Vaccine Pharmacovigilance Special Committee on 460 reports of adverse effects of immunisation (AEFI) found that none of the reported deaths were directly related to the vaccine received.

National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) director Dr Roshayati Mohamad Sani said the findings were part of a total of 610 AEFI reports involving deaths among Covid-19 vaccine recipients, which required complete investigation and detailed assessment.

"A total of 150 reports are still being investigated before being evaluated by the committee," she said in a statement yesterday

on the status of the AEFI reports on the Covid-19 vaccine as of April 8.

Roshayati said NPRA received in total 26,071 AEFI reports, including 1,552 involving booster recipients and 288 involving vaccine recipients of children aged five to 11.

Of the 1,552 reports involving booster recipients, 137 or 9% were classified as serious, she said.

As of April 8, a total of 69,116,358 vaccine doses have been administered under the National Covid-19 Immunisation Programme, of which 15,888,555 were booster shots.

Roshayati said NPRA also received 57 AEFI reports involving deaths among booster dose

recipients, and investigations done by the committee showed that 25 reports of deaths had no connection with the vaccine received.

"The investigation process for 32 reports has not been completed for assessment," she said.

In regard to the effects of AEFI on children aged five to 11, she said a total of 288 reports were received, with 94% displaying non-serious symptoms such as fever, skin rashes, stress response to the immunisation process, dizziness and headaches.

Roshayati said there was one brought-in-dead case, which was still under investigation. Initial reports found that the child had a pre-existing illness. - Bernama

More than 195,000 children fully inoculated

KUALA LUMPUR: A total of 195,865 children, aged five to 11, or 5.5% have completed their vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Tuesday.

According to the CovidNOW website, a total of 1,371,120 or 38.6% have received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged 12 to 17, a total of 2,863,771 or 92% have been fully vaccinated, while 2,965,625 or 95.3% received at least

one dose.

As for the adult population, a total of 15,942,215 or 67.8% have received the booster dose, while 22,958,810 or 97.6% have been fully vaccinated and 23,235,580 or 98.8% received at least one dose.

A total of 45,550 doses were administered on Tuesday, with 32,773 as second dose, 8,283 booster dose and 4,494 first dose, bringing the cumulative total doses dispensed under the immunisation programme to 69,320,354.

Meanwhile, according to the Health Ministry's GitHub portal, 30 deaths due to Covid-19 were reported on Tuesday.

Johor registered the highest number with five cases, followed by Penang and Sarawak with four cases each.

Perak and Selangor recorded three cases each, while Kedah, Malacca, Negri Sembilan and Pahang with two cases each and one case each in Perlis, Sabah and Terengganu. - Bernama

New daily cases below 10,000

KUALA LUMPUR: New daily Covid-19 cases have remained below 10,000 for three consecutive days, with 9,002 cases reported on Tuesday, bringing the cumulative number of cases to 4,342,559.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said in a statement yesterday that a total of 8,112 new cases were reported on Sunday, followed by 7,739

on Monday.

Of the total number of new cases, 67 were in categories Three, Four and Five.

He said 394 cases were admitted to hospitals on Tuesday, of which 162 were in categories Three, Four and Five, while the remaining 232 were in categories One and Two.

A total of 16,986 recovery cases were

reported on Tuesday, bringing the cumulative total to 4,180,763.

Noor Hisham said two states registered over 50% bed occupancy at critical or intensive care units. They are Putrajaya at 100% and Selangor at 51%.

No state recorded occupancy of more than 50% at quarantine and low-risk treatment centres. - Bernama